

# **PENDIDIKAN SEKSUALITI DALAM KALANGAN MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH: CABARAN DAN KEPENTINGAN**

**Ang Chai Tin**

*Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis*

**Lee LayWah**

*Universiti Sains Malaysia*

## **ABSTRAK**

Artikel yang berbentuk kertas konsep ini membincarkan pendidikan seksualiti dalam konteks murid bermasalah pembelajaran menengah di Malaysia. Artikel ini akan menggariskan kepentingan, keperluan, cabaran dan hak pendidikan seksualiti kepada golongan murid bermasalah pembelajaran di sekolah menengah. Keperluan murid bermasalah pembelajaran menengah terhadap pendidikan seksualiti juga telah dibincang dari enam perspektif, iaitu perkembangan manusia, kemahiran personal, pembinaan hubungan, pelahiran tingkah laku seksual yang sesuai, pemupukan kesihatan seksual dan keperluan dari sudut budaya dan masyarakat. Kepentingan pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran juga dinyatakan. Selain daripada itu, artikel ini juga membincangkan keperluan pendidikan seksualiti daripada sudut keperluan guru dan ibu bapa serta kurikulum pengajaran.

**KATA KUNCI:** Pendidikan seksualiti, murid bermasalah pembelajaran, cabaran pendidikan seksualiti murid bermasalah pembelajaran, kepentingan pendidikan seksualiti murid bermasalah pembelajaran, guru pendidikan khas, pendidikan khas

## **ABSTRACT**

This conceptual paper discusses sexuality education in Malaysia from the context of secondary school students with learning disabilities. The importance, needs, challenges and the rights of secondary school students with learning disabilities to receive sexuality education is outlined. The needs of these students are discussed from six perspectives namely human development, personal skills development, relationship building, development of appropriate sexual behavior, sexual health cultivation and socio-cultural needs. The importance of sexuality education to secondary school students with learning disabilities is also emphasized. In addition, this article also discussed the needs of sexuality education from the perspectives of teachers and parents and also from the perspective of curriculum and instruction.

**KEYWORDS:** Sexuality education, students with learning disabilities, challenges of sexuality education of students with disabilities, importance of sexuality education of students with disabilities, special education teacher, special education

## **PENGENALAN**

Murid bermasalah pembelajaran di negara kita terdiri daripada pelbagai kategori ketidakupayaan, seperti terencat akal, terencat perkembangan, Sindrom Down, autistik, masalah komunikasi dan bahasa, masalah emosi dan tingkah laku, hiperaktif dan hipoaaktif. Walaupun kategori murid ini menghadapi masalah dari segi perkembangan kognitif dan tingkah laku, mereka masih turut mengalami proses perkembangan fizikal dan mencapai akil baligh dalam parameter normal seperti murid lain (Dunn & Rea, 2006; Rashikj, 2009). Oleh sebab ketidakseimbangan perkembangan antara domain kognitif dan fizikal ini, murid bermasalah pembelajaran sering menunjukkan tingkah laku seksual yang tidak sesuai. Namun demikian, isu seksualiti dianggap tabu untuk dibincarakan secara terbuka kerana ianya dianggap tabu oleh masyarakat (Wazakili, 2010; Lee, Chen, Lee & Kaur, 2006). Ini adalah kerana istilah ‘seksualiti’ sering dianggap sebagai bersinonim dengan istilah ‘seks’, oleh itu membincangkan topik seksualiti dianggap stigma oleh masyarakat kita hari ini khususnya apabila dikaitkan isu-isu seksualiti murid-murid bermasalah pembelajaran (Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008; Wazakili, 2010). Namun begitu, keperluan terhadap pendidikan seksualiti dari segi pemupukan kesejahteraan diri dan menangani masalah tingkah laku seksual murid bermasalah pembelajaran tidak dapat dinafikan.

## **PENGERTIAN SEKSUALITI DAN PENDIDIKAN SEKSUALITI**

Seksualiti dapat didefinisikan sebagai sesuatu perasaan melibatkan kefahaman diri terhadap emosi dan respon seksual seseorang (Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008). Perasaan ini merangkumi aspek perkembangan manusia yang bersifat multi dimensi dan komprehensif, iaitu selain mengenai fungsi anatomik, fisiologi dan biokimia sistem respons seksual manusia, seksualiti juga merangkumi aspek kognitif (kemahiran asertif, berkebolehan membuat keputusan bijak dan seterusnya bertanggungjawab terhadap keputusan tersebut), afektif (perasaan kemesraan, diterima, disayangi, disukai dan rasa dihargai yang resiprokal antara dua insan), dan tingkah laku manusia seperti membina hubungan interpersonal yang sihat dan berkemahiran komunikasi yang efektif (Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008; Kong & Tan, 2010; Sex Education Council of the United States [SIECUS], 2004).

Pendidikan seksualiti pula merupakan pendidikan seumur hidup yang melibatkan proses memperolehi maklumat, membentuk atribut, kepercayaan dan pegangan nilai seseorang (SIECUS, 2004). Pendidikan ini menekankan perkembangan seksual, reproduksi manusia, kesihatan, hubungan interpersonal, perasaan kasih sayang, hubungan rapat, bahasa badan dan peranan gender seseorang. Dengan erti kata lain pendidikan seksualiti sebenarnya mencakupi skop biologi, sosio-budaya, kepercayaan (kognitif, afektif dan tingkah laku), kemahiran komunikasi berkesan dan kemahiran membuat keputusan secara bijak dan bertanggungjawab (Kong & Tan, 2010).

Perbezaan antara pendidikan seks dan pendidikan seksualiti ialah pendidikan seks dikatakan meliputi dimensi reproduktif, perlindungan dan keselamatan fizikal; pendidikan seksualiti pula merangkumi pelbagai dimensi: selain perkara di atas, turut membincangkan perkara-perkara seperti memupuk hubungan dan kesejahteraan personal, aspek sosial-ekologikal, nilai dan moral, pemupukan pendekatan untuk memahami kesihatan dan isu-isu seksualiti yang berlaku (Sinkinson, 2009).

Rumusannya, pengertian untuk pendidikan seksualiti perlu difahami sebagai keseluruhan aspek kehidupan manusia yang komprehensif yang membincangkan tentang perkembangan manusia, hubungan sesama manusia, kemahiran personal, tingkah laku seksual, kesihatan seksual dan, masyarakat dan budaya seseorang (SIECUS, 2004). Pendidikan ini penting dan perlu untuk membekalkan maklumat, membina nilai, membina kemahiran interpersonal, dan membina konsep kebertanggungjawaban khususnya pada diri murid-murid bermasalah pembelajaran menengah yang didapati sangat defisit akan kemahiran ini.

## **SEKSUALITI INDIVIDU BERMASALAH PEMBELAJARAN**

Perbincangan mengenai seksualiti tidak seharusnya dihadkan kepada kategori individu tertentu sahaja. Couwenhoven (2001) mengatakan semua orang adalah makhluk seksual. Ini bermakna murid bermasalah pembelajaran turut tidak terkecuali daripada mengalami perkembangan seksual seperti orang lain.

Kellogg (2009) berpendapat faktor-faktor seperti masalah dari segi penguasaan kemahiran sosial, tidak mengetahui had-had personal yang dibenarkan, kesukaran mengawal tenaga dalaman dan tidak mengetahui perkara-perkara tidak sesuai yang boleh menimbulkan ketidakselesaan orang lain telah menyebabkan murid bermasalah pembelajaran menunjukkan masalah tingkah laku seksual dan akhirnya menjadi mangsa kepada masalah tersebut.

Tanggapan masyarakat bahawa individu bermasalah pembelajaran bersifat aseksual adalah tidak tepat. Ini kerana kajian menunjukkan kadar keterlibatan seksual kali pertama (debut sexual) dalam kalangan remaja berkeperluan khas sangat tinggi berbanding dengan remaja biasa (Brunnberg, Bostrom & Berglund, 2009). Walaupun dapatan ini tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi bermasalah pembelajaran di Malaysia, namun kajian tersebut membuktikan bahawa murid bermasalah pembelajaran juga menunjukkan perkembangan seksual seperti masyarakat normal yang lain. Rashikj (2009) dalam kajiannya menyatakan bahawa: '*...seksualiti merupakan sebahagian yang penting dalam setiap kehidupan manusia bermula dari zaman kanak-kanak hingga tua...dan individu bermasalah pembelajaran mengalami perkembangan seksual yang sama seperti populasi lain...*' Oleh itu jelaslah bahawa kepentingan pendidikan seksualiti dalam kurikulum pendidikan kita dan keperluan terhadap pendidikan ini tidak mutlak kepada mana-mana golongan.

## **MASALAH TINGKAH LAKU SEKSUAL MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN**

Masalah tingkah laku seksual merupakan tingkah laku yang tidak sesuai dari segi perkembangan, bersifat peribadi dan mengganggu serta kasar pada pandangan orang lain (Kellogg, 2009). Selain menjadi mangsa kepada penganiayaan dan eksplorasi seksual, murid bermasalah pembelajaran juga didapati menunjukkan masalah tingkah laku seksual. Rentetan daripada masalah ini, tingkah laku seksual murid bermasalah pembelajaran sering dianggap oleh masyarakat sebagai menunjukkan salah laku dan tidak sesuai dengan gelarannya sebagai orang kurang upaya.

Tingkah laku seksual yang dianggap tidak sesuai ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada perkembangan emosi dan fisiologi yang dialami oleh setiap individu sama ada yang mengalami masalah pembelajaran ataupun individu normal (Dunn & Rea, 2006; Rashikj, 2009). Malah O'Callaghan dan Murphy (2003) berpendapat tingkah laku seksual yang ditunjukkan oleh individu bermasalah pembelajaran mungkin merupakan petanda kepada gejala jenayah seksual yang telah dialaminya.

Fyson (2009) mendapati masalah sentuhan (79%) merupakan tingkah lalu seksual yang kerap dilakukan oleh murid bermasalah pembelajaran. Ini diikuti oleh perlakuan onani (58%), mendedahkan anggota sulit (54%), gangguan seksual secara verbal (50%) dan perbuatan atau percubaan seksual melibatkan anggota sulit (15%). Murid bermasalah pembelajaran didapati tidak menyedari akibat daripada tindakan yang dilakukannya. Punca berlakunya masalah ini adalah disebabkan kurang pengetahuan seksualiti, lemah dalam kemahiran sosial, kekurangan peluang untuk membina hubungan yang sihat dan bersifat kenaifan (Lindsay, 2005). Akibat daripada kelemahan kognitif, murid-murid ini juga mudah diperalatkan oleh orang lain atau terpengaruh dengan media massa untuk menunjukkan tingkah laku seksual di depan khalayak ramai. Oleh itu penyampaian pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran amat penting dalam menangani masalah tingkah laku seksual dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran (Haigene & Culhane, 1996; Plunkett, Longmore, Neal & Sanchez, 2002).

## **CABARAN PENYAMPAIAN PENDIDIKAN SEKSUALITI**

Berdasarkan pengalaman penulis pertama sebagai penyelaras pendidikan khas bermasalah pembelajaran menengah selama 12 tahun, masalah tingkah laku seksual tidak terkecuali daripada berlaku dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran. Dilema ini sering berlaku dan kebanyakan guru pendidikan khas menghadapi kesukaran untuk menangani isu ini. Oleh sebab itu, timbulnya keperluan untuk menyokong guru pendidikan khas dalam menyampaikan pendidikan seksualiti. Cabaran besar dalam pendidikan seksualiti kepada murid-murid ini antaranya adalah masalah dari segi tingkah laku seksual, sifat mudah dipengaruhi, risiko menjadi mangsa jenayah seksual, kelemahan perlaksanaan kurikulum sedia ada, sikap dalam kalangan guru dan ibu bapa, dan kekurangan bahan pengajaran.

### **Masalah tingkah laku seksual**

Lebih daripada 50% kanak-kanak didapati sering menunjukkan tingkah laku seksual tidak sesuai sebelum mereka mencapai umur 13 tahun (Fyson, 2009; Kellogg, 2009). Sungguhpun tingkah laku seksual dikatakan merupakan sebahagian daripada perkembangan normal yang berlaku seiring dengan perkembangan fizikal seseorang kanak-kanak semasa mereka mencapai akil baligh (Aunos & Feldman, 2002; Byer, Shainberg & Galliano, 2002; Dunn & Rea, 2006; Rashikj, 2009), tingkah laku seksual tidak sesuai didapati kerap berlaku dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran (Fyson, 2009). Fenomena ini berlaku berpunca daripada ketidakmampuan kognitif murid-murid bermasalah pembelajaran untuk memahami perkembangan fizikal dan perubahan-perubahan abstrak fisiologi yang sedang mereka alami (Lindsay, 2005). Disebabkan ketidakmampuan kognitif ini, murid bermasalah pembelajaran tidak dapat memahami apakah lagi membezakan batas-batas di antara tingkah laku seksual yang boleh dan tidak boleh diterima. Masalah ini menyebabkan mereka menghadapi kelemahan untuk menilai kesan dan risiko tingkah laku seksual tersebut ke atas diri mereka (Khadijah Rohani, 2008; Monat, 1982). Akibatnya banyak masalah tingkah laku seksual yang tidak sesuai telah wujud dalam kalangan murid ini (Fyson, 2009) khususnya pada peringkat murid mencapai akil baligh, iaitu sekitar umur 15-16 tahun (Aparecida, 2009).

### **Sifat mudah dipengaruhi**

Murid bermasalah pembelajaran didapati bersifat terlalu mudah dipengaruhi atau 'vulnerable', dan naif. Ini secara langsung telah mengundang banyak masalah kepada diri mereka (Rashikj 2009; Skarbek, Hahn & Parrish, 2009; Yacoub & Hall, 2008). Murid ini bukan sahaja mudah terdedah kepada penganiayaan seksual, malah sering menunjukkan masalah tingkah laku seksual yang tidak sesuai di depan khalayak ramai (Fyson, 2008; Peckham, 2007). Selain itu, murid ini juga sering tidak dapat membezakan perkara yang betul atau salah, kurang kemahiran untuk melaporkan kepada pihak yang berkenaan apabila mengalami eksplorasi seksual (Kellogg, 2009; Murphy & Elias, 2006; Peckham, 2007). Ini menunjukkan keperluan pendidikan mengenai bagaimana penjagaan keselamatan diri khususnya daripada segi penganiayaan dan eksplorasi seksual, kemahiran komunikasi, nilai serta moral perlu dibekalkan kepada mereka.

### **Mangsa jenayah seksual**

Murid bermasalah pembelajaran dikatakan mengalami lebih daripada 2.2 kali ganda menjadi mangsa jenayah seksual berbanding dengan rakan-rakan normalnya yang lain (Quint, 1999; Skarbek et al., 2009; Sullivan & Knutson, 2000; Suris, Resnick & Cassuto, 1996). Di Malaysia, walaupun setakat ini tiada perangkaan konkret yang melaporkan hal sedemikian, tetapi data kasar daripada Polis Diraja Malaysia (2012) mencatatkan kes jenayah seksual yang melibatkan orang kurang upaya telah meningkat sebanyak 113% dari 2004 hingga 2011. Daripada setiap sepuluh kes rogol yang dilaporkan melibatkan orang kurang upaya, tujuh daripadanya ialah individu bermasalah pembelajaran. Kebanyakan mangsa yang terlibat ialah remaja yang berumur di bawah 18 tahun (Polis Diraja Malaysia, 2012; Women's Centre for Change Penang, 2011). Selain itu, masalah pesalah seksual (sex offender) juga didapati sangat kritikal dalam kalangan remaja bermasalah pembelajaran. Murid-murid bermasalah pembelajaran dari pelbagai kategori masalah didapati bukan sahaja menjadi mangsa kepada gejala pengeksplorasi dan penganiayaan seksual tetapi juga bertindak sebagai pesalah seksual sesama mereka (Fortune & Lambie, 2004; HM Treasury, 2006; Murphy & Elias, 2006; Sullivan & Knutson, 2000). Kitaran ganas ini berlaku dipercayai akibat kekurangan pendidikan seksualiti. Ini mengakibatkan golongan murid ini mudah terdedah kepada pelbagai masalah kesihatan yang membimbangkan (Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008; Yacoub & Hall, 2008). Hal ini menunjukkan penyediaan pendidikan seksualiti merupakan satu-satunya alternatif yang perlu diberikan kepada golongan ini.

### **Kelemahan perlaksanaan kurikulum sedia ada**

Kecenderungan berlakunya masalah seksual dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran peringkat menengah lebih tinggi berbanding dengan murid bermasalah sekolah rendah (Aparecida, 2009; Khadijah Rohani, 2008). Oleh itu Amir (2007) menegaskan bahawa pendidikan seksualiti perlu dilaksanakan di peringkat menengah kerana pada tahap ini pemahaman murid tidak begitu bercelaru dan lebih mampu memahaminya dengan lebih jelas berdasarkan kematangan dan keupayaan inteleknya. Di Malaysia, walaupun pendidikan seksualiti telah dilaksanakan secara merentas kurikulum perdana sejak 1989 (Azizah & Chan, 2009; Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008), namun, hasil kajian Lee, Chen, Lee dan Kaur (2006) membuktikan bahawa penyampaian pendidikan seksualiti sekarang tidak membawa apa-apa kesan dalam memerangi gejala seksual remaja Malaysia hari ini. Kegagalan membekalkan pendidikan seksualiti kepada murid-murid sekolah khususnya murid bermasalah pembelajaran menengah di Malaysia mungkin berpunca daripada aspek kelemahan perlaksanaan pendidikan seksualiti dalam kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP) sedia ada, salah tanggapan dan ketidakselesaan masyarakat khususnya ibu bapa terhadap isu seksualiti dihubungkaitkan dengan ketidakupayaan (disability) individu bermasalah pembelajaran (Brown & Pirtle, 2008; Brunnberg et al., 2009; Dunn & Rea, 2006; Gougeon, 2009; Karanfiloski, 2008; Rashikj, 2009; Swango-Wilson, 2009; Wazakili, 2010), serta kurang keyakinan guru-guru PKBP untuk menyampaikan pendidikan seksualiti (Aparecida, 2009; Aunos dan Feldman; 2002; Fyson, 2009; Garbutt, 2008; Halstead & Reiss, 2003; Littner, Littner & Shah, 2001; Rashikj, 2009; Veiga et al., 2006). Dalam Kurikulum Alternatif PKBP 2004 dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran 2010 misalnya, walaupun terdapat elemen-elemen pendidikan seksualiti, namun tujuan penyampaian pendidikan seksualiti tidak dinyatakan dengan jelas. Ini menyebabkan guru-guru PKBP mungkin tidak menyedari akan kepentingan elemen pendidikan seksualiti ini kepada murid bermasalah pembelajaran. Akibatnya telah menyebabkan berlakunya kekurangan pengetahuan seksualiti pada murid bermasalah pembelajaran. Ini telah memudahkan mereka menjadi mangsa penganiayaan dan eksplorasi seksual.

### **Kurang keperihatinan dalam kalangan guru PKBP**

Dalam kurikulum pendidikan khas, pengajaran sesetengah komponen seperti komponen Pengurusan Diri yang juga sebenarnya merupakan sebahagian daripada pendidikan seksualiti tidak diwajibkan kepada murid-murid bermasalah pembelajaran. Walaupun komponen ini merupakan sebahagian daripada Kurikulum Alternatif Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran, bahagian ini sering diabaikan oleh guru PKBP. Ini disebabkan guru sering menganggap murid-murid bermasalah pembelajaran yang hadir ke Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran menengah tiada masalah urus diri. Murid-murid bermasalah pembelajaran dianggap telah memperolehi kemahiran urus diri semasa berada di PPKI BP sekolah rendah sebelum melangkah ke sekolah menengah setelah Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan sistem tempoh belajar 12+2 kepada murid-murid bermasalah pembelajaran. Tanganpan ini menyebabkan elemen pendidikan seksualiti yang wujud dalam komponen Pengurusan Diri tidak dititik berat oleh guru PKBP, dan ini menyebabkan murid bermasalah pembelajaran kurang memperolehi pengetahuan seksualiti. Kekurangan pengetahuan pendidikan seksualiti ini akhirnya telah memberi kesan kepada perwatakan murid.

### **Sikap dalam kalangan guru dan ibu bapa**

Di samping guru, pihak ibu bapa juga memikul tanggungjawab untuk menyampaikan pendidikan seksualiti kepada anak mereka. Kedua-dua pihak guru-guru dan ibu bapa masih menghadapi dilema untuk menangani masalah tingkah laku seksual kanak-kanak bermasalah pembelajaran (Brunnberg et al., 2009; Gougeon, 2009; Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008; ). Ibu bapa didapati sukar, tidak selesa dan terlalu bersikap konservatif untuk menyampaikan maklumat seksualiti kepada anak bermasalah pembelajarannya (Cuskelly & Bryde, 2004). Manakala ramai guru dikatakan tidak bersedia dan memberi pelbagai alasan untuk tidak mengajar pendidikan seksualiti kepada muridnya (Amir, 2007; Garbutt, 2008; Veiga, Teixeira, Martins & Melico-Silvestre, 2006;). Guru-guru PKBP mengalami konflik untuk menyampaikan pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran disebabkan dilema moral dan sistem kepercayaan, serta sikap (Garbutt, 2008; Veiga et al., 2006). Di samping itu, kekurangan pengetahuan seksualiti, ketiadaan sumber pengajaran dan ketiadaan keyakinan untuk menyampaikan pendidikan seksualiti kepada murid-murid bermasalah pembelajaran juga menghadkan pendidikan seksualiti daripada disampaikan kepada murid ini (Aparecida, 2009; Aunos dan Feldman, 2002). Faktor-faktor ini telah menyebabkan guru PKBP dikatakan cuba mengelakkan diri atau membiarkan sahaja masalah ini terus berlaku di sekolah kerana beranggapan isu ini akan menggugat integriti diri sebagai seorang pendidik.

### **Kekurangan bahan pengajaran**

Dalam satu kenyataan yang dikeluar oleh Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Lok Yim Pheng dalam satu sidang akhbar (mStar online, 2010, Mac 2), guru-guru hari ini belum bersedia untuk melaksanakan pendidikan seksualiti kerana kekurangan latihan profesional dalam bidang ini. Menurut Lok, guru-guru bukan sahaja kekurangan latihan formal, tetapi juga tiada bahan pengajaran, tidak berkeyakinan untuk mengajar, dan berkerisauan akan isu disaman oleh ibu bapa sekiranya melakukan kesilapan semasa menyampaikan maklumat berkaitan pendidikan seksualiti ini. Isu ketidakyakinan guru pasti bertambah serius memandangkan belum terdapat latihan atau bahan sokongan (modul) diberi kepada guru-guru PKBP pra perkhidmatan atau dalam perkhidmatan oleh mana-mana institusi latihan perguruan kita. Sementara itu, sumber utama kebanyakan murid sekolah menengah memperolehi pengetahuan seksualitinya ialah daripada guru sekolah berbanding dengan ibu bapa dan media massa (Azizah & Chan, 2009). Ini bermakna selain ibu bapa, tanggungjawab sekolah (guru) sebagai pembekal pengetahuan seksualiti tidak dapat dipertikaikan. Ini sesungguhnya benar dalam dunia pendidikan khas hari ini kerana sebahagian besar masa murid bermasalah pembelajaran dihabiskan untuk bermain, belajar dan berinteraksi dengan persekitaran banyak dihabiskan di Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (Veiga et al., 2006). Maka guru PKBP merupakan individu yang sangat penting kepada murid bermasalah pembelajaran untuk memperolehi pendidikan seksualiti selain ibu bapa mereka sebelum pendidikan seksualiti dapat disampaikan dengan jayanya kepada murid bermasalah pembelajaran. Walau bagaimanapun, kekurangan bahan pengajaran pendidikan seksualiti menjadikan hasrat untuk menyampaikan pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran satu cabaran yang besar.

### **HAK PENERIMAAN PENDIDIKAN SEKSUALITI**

Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran (PPKI BP) yang dilaksanakan di negara kita kini banyak berpandukan beberapa dasar penting seperti Akta Pendidikan 1996, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 dan deklarasi-deklarasi antarabangsa yang berkaitan. Perkembangan ini bermakna wujudnya penawaran hak aksesibiliti pendidikan yang adil untuk murid bermasalah pembelajaran di Malaysia.

Pada 1990an, May dan Kundert (1996) telah menyuarakan bahawa remaja bermasalah pembelajaran berhak untuk mendapatkan pendidikan seksualiti. Walau bagaimanpun, masalah ini masih menjadi isu sehingga hari ini. Ini kerana pada tahun 2007, Gore dan Janssen (2007) melaporkan bahawa 31% daripada kanak-kanak pendidikan khas (bermasalah pembelajaran) masih dipinggirkan dari segi peluang menerima pendidikan seksualiti berbanding dengan kanak-kanak biasa. Oleh yang demikian, dalam usaha untuk mengintegrasikan golongan ini dengan masyarakat sekeliling, hak penerimaan pendidikan seksualiti perlu disediakan kepada murid bermasalah pembelajaran kerana ini dapat membantu mereka mencapai kesempurnaan hidup seperti yang dinyatakan dalam Teori Keperluan Maslow. Tambahan pula hak untuk mencapai pendidikan seksualiti sepatutnya sama seperti masyarakat normal yang lain. Hak ini telah dinyatakan dengan jelas dan tersurat dalam beberapa deklarasi penting Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Setiap individu yang bergelar warganegara di muka bumi ini dijaminkan hak-hak asasi manusia seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan kita. Hak asasi manusia termasuklah membolehkan setiap individu mencapai pendidikan seksualiti, iaitu “setiap orang adalah berhak kepada pelajaran... Pelajaran hendaklah ditujukan kepada perkembangan sepenuhnya keperibadian manusia dan ke arah memperkuatkannya lagi rasa hormat bagi hak-hak dan kebebasan asasi manusia” (Perisytiharaan Hak Asasi Manusia Sejagat, 1948, Perkara 26), sementara “setiap kanak-kanak, remaja dan dewasa, akan mendapat manfaat daripada peluang pendidikan yang direka sesuai dengan keperluan pembelajaran asasi mereka” (Deklarasi Dunia terhadap Pendidikan untuk Semua, 1990). Untuk mencapai tujuan ini, mereka hendaklah dilindungi daripada “...semua bentuk keganasan fizikal atau mental, kecederaan atau penderaan, pengabaian atau perlakuan cuai, penganiayaan atau eksplorasi, termasuk penderaan seksual...” (Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak 1989, Perkara 19). Begitu juga halnya dengan hak asasi murid bermasalah pembelajaran. Perkara 2 Deklarasi Salamanca pada tahun 1994 juga menyebut dengan eksplisit bahawa “setiap kanak-kanak mempunyai hak asasi untuk pendidikan, dan mestinya diberi peluang untuk mencapai dan mengekalkan satu tahap pendidikan yang boleh diterima...”. manakala Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Ke Atas Hak-hak Orang Kurang Upaya 2006, Perkara 24 (2a) pula mengistiharkan bahawa “orang kurang upaya boleh mengakses pendidikan rendah dan menengah yang menyeluruh, berkualiti dan percuma dengan asas yang sama seperti orang lain di dalam komuniti di mana mereka tinggal, tidak kira jantina dan umur berhak untuk membuat pemilihan, menentukan penglibatan, mencapai pengetahuan dan dilayan sama rata oleh semua pihak”. Piawaian-piawaian daripada Program Bertindak Persidangan Antarabangsa Mengenai Kependudukan dan Pembangunan (ICPD), PBB Kaherah, 1994 dan Piagam mengenai hak-hak seksual dan reproduktif (IPPF), 1996 juga memberi penekanan khusus bahawa semua orang mempunyai hak untuk memperolehi pendidikan seksualiti secukupnya mengenai kesihatan, tanggungjawab seksual, kehidupan seksual dan reproduktif manusia. Sungguhpun terdapat begitu banyak deklarasi demi deklarasi diumumkan menyokong hak pendidikan seksualiti pada golongan ini, namun belum tentu lagi sikap masyarakat terhadap hak penerimaan pendidikan seksualiti individu bermasalah pembelajaran turut berubah selaras dengan perkembangan ini (Aunos & Feldman, 2002).

Kesimpulannya, walaupun hak untuk mencapai pendidikan seksualiti setiap individu termasuk murid bermasalah pembelajaran adalah mutlak dan bebas, tidak dapat dinafikan bahawa secara implisitnya, fenomena segregasi masih wujud kerana penyediaan kurikulum sedia ada didapati gagal mengambil kira keperluan pendidikan seksualiti pada golongan ini, wal hal penerimaan pendidikan seksualiti merupakan sebahagian daripada keperluan perkembangan mereka. Hakikat bahawa murid bermasalah pembelajaran kekurangan peluang untuk berinteraksi dengan masyarakat akibat daripada amalan pengasingan bermakna peluang untuk mereka belajar mengenai seksualiti telah dikurangkan (Rembis, 2010). Oleh itu, boleh dikatakan golongan bermasalah pembelajaran ini sebenarnya tidak dilayani haknya sebagai warganegara seperti orang lain (Brown & Pirtle, 2008; Gougeon, 2009). Sungguhpun hak penerimaan pendidikan seksualiti telah diperakui dalam dasar, namun setakat ini di Malaysia, reaksi guru dan ibu bapa terhadap penerimaan pendidikan seksualiti oleh murid bermasalah pembelajaran belum dapat diketahui.

## **KEPENTINGAN PENDIDIKAN SEKSUALITI KEPADA MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN**

Rumusan daripada pernyataan-pernyataan di atas, kepentingan pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran adalah sangat jelas. Pembekalan pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran bermakna murid-murid ini akan berpengetahuan untuk: (i) melindung diri mereka daripada masalah eksplorasi seksual dan penyakit-penyakit berbahaya (Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008; SIECUS, 2004; Wazakili, 2010); (ii) memperoleh kemahiran komunikasi berkesan untuk menjaga keselamatan diri (Brown & Pirtle, 2008; Grieveo, McLaren & Lindsay, 2006; Plunkett et al., 2002); (iii) mencapai kontrak sosial dan memenuhi hak asasi mereka untuk menerima pendidikan seksualiti sama seperti rakan normal yang lain (Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008; Gougeon, 2009); (iv) menggalakkan kesihatan seksual dari segi fizikal, emosi dan sosial, kesihatan dan kesejahteraan diri individu terlibat; (v) membolehkan murid menyedari bahawa

sesuatu yang tidak betul telah berlaku ke atas diri mereka dan seterusnya dapat menyampaikan maklumat kepada pihak yang berkenaan untuk mendapatkan bantuan (Grieveo et al., 2006), dan (vi) untuk mengelakkan putaran ganas daripada berlaku akibat daripada masalah-masalah seperti penderaan seks, eksplorasi seks, dan jenayah seks yang dihadapi oleh remaja bermasalah pembelajaran (terencat akal) sekiranya pendidikan seksualiti tidak disediakan kepada mereka (Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008).

## **PERSPEKTIF PENDIDIKAN SEKSUALITI**

Keperluan terhadap pendidikan seksualiti telah dihujahkan; baik kepada murid bermasalah pembelajaran mahupun masyarakat sekelilingnya. Berdasarkan definisi pendidikan seksualiti yang ditakrifkan oleh SIECUS (2004), keperluan pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran menengah dapat ditafsirkan daripada enam perspektif, iaitu:

### **Keperluan untuk perkembangan manusia**

Pendidikan seksualiti membolehkan murid bermasalah pembelajaran menengah memperolehi pengetahuan mengenai fungsi anggota badan, perkembangan dan tumbesaran yang dialaminya dan perubahan fizikal semasa mencapai akil baligh. Pengetahuan ini dapat menyediakan murid menghadapi cabaran-cabaran perubahan fizikal dan emosi sepanjang tempoh tumbesarnya. Dengan itu murid akan lebih menyayangi diri mereka, mengetahui bahawa setiap orang adalah bertanggungjawab ke atas diri sendiri dan berhak mutlak ke atas anggota badan masing-masing.

### **Keperluan untuk mencapai kemahiran personal**

Pendidikan seksualiti merupakan sumber ilmu untuk murid bermasalah pembelajaran menengah menunjukkan penghargaan diri, berkemahiran komunikasi berkesan, berkemahiran asertif, berkemahiran meminta bantuan dan membuat keputusan bijak bagi meningkatkan kesejahteraan dan menjaga keselamatan diri apabila berhadapan dengan situasi yang melibatkan seksualiti.

### **Keperluan untuk pembinaan hubungan**

Pendidikan seksualiti menjadikan murid bermasalah pembelajaran menengah lebih berkemahiran dalam membina dan memelihara hubungan yang sihat, berkongsi fikiran dan perasaan yang bersifat resiprokal melalui persahabatan, menunjukkan ketrampilan diri, dapat mengidentifikasi kenalan dan orang yang tidak dikenali, menyedari batas-batas perhubungan antara jantina, mengetahui peranan institusi keluarga, perkahwinan dan keibubapaan.

### **Keperluan untuk pelahiran tingkah laku seksual yang bersesuaian**

Pendidikan seksualiti dapat membantu murid bermasalah pembelajaran menengah menguasai kebolehan untuk mengenal pasti tingkah laku awam dan sulit serta mempraktikkan amalan tingkah laku bertanggungjawab dalam kehidupan harian.

### **Keperluan untuk pemupukan kesihatan seksual**

Pendidikan seksualiti perlu untuk murid memperolehi kemahiran menjaga kebersihan dan kesihatan diri bagi mencapai kehidupan yang sihat dan sejahtera. Untuk itu, pendidikan seksualiti menyampaikan maklumat kepada murid mengenai hak mereka untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan berkualiti.

### **Keperluan dari sudut budaya dan masyarakat**

Pendidikan seksualiti diperlukan oleh murid bagi memperolehi pengetahuan mengenai kesamarataan dari segi peranan gender, identiti gender, hak seksualiti dan perlindungan undang-undang ke atas seksualiti murid.

Keenam-enam keperluan ini menunjukkan penyampaian pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran menengah perlu dilaksanakan, diberi fokus utama dan dijadikan agenda penting dalam perancangan kurikulum pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Khadijah Rohani Mohd. Yunus (2008) menegaskan bahawa penawaran pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran bukan lagi satu pilihan, tetapi merupakan satu kemestian bagi menjaga keselamatan murid ini dari segi kesihatan, eksplorasi dan penganiayaan seks. Di samping itu, penyampaian pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran menengah perlulah dapat memenuhi konteks keperluan sebenar golongan murid ini khususnya dari segi aspek pembinaan kemahiran, pengubahsuaian tingkah laku dan kesihatan sosial seksualnya (Morrison, Hardison, Mathew & O'Neil, 2004). Dengan terlaksananya pendidikan seksualiti kepada golongan murid ini, secara tidak langsung dapat meningkatkan pengetahuan dan penerimaan masyarakat terhadap seksualiti murid

bermasalah pembelajaran dan, melihat tingkah laku murid bermasalah pembelajaran sebagai satu atribut semula jadi dan proses perkembangan yang dilalui oleh semua orang.

## PENUTUP

Walaupun kepentingan pendidikan seksualiti terhadap murid bermasalah pembelajaran tidak dapat dipertikaikan, dan hak penerimaan pendidikan seksualiti setiap murid telah diperakui dalam dasar, namun setakat ini di Malaysia, masih wujud pelbagai reaksi dalam kalangan guru dan ibu bapa terhadap penerimaan pendidikan seksualiti oleh murid bermasalah pembelajaran.

Tambahan pula struktur masyarakat Malaysia yang bersifat majmuk bakal memberi cabaran besar kepada inisiatif untuk menyediakan pendidikan seksualiti masalah pembelajaran ini. Oleh itu langkah perlu diambil agar pembekalan pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran dapat berlaku dan dalam masa yang sama, aspek kepelbaaan budaya juga turut diberi perhatian semasa menyediakan pendidikan seksualiti kepada golongan ini. Untuk mencapai tujuan serampang dua mata ini, pentingnya kajian analisis keperluan dilaksanakan untuk menjustifikasi kesesuaian kandungan pendidikan seksualiti daripada kedua-dua pihak berkepentingan, iaitu guru PKBP dan ibu bapa. Kajian sedemikian bukan sahaja dapat menawarkan landasan kepada pembina kurikulum untuk mengidentifikasi jenis kandungan dan metodologi penyampaian pengajaran yang betul dari kaca mata masyarakat berkepentingan, malahan hasilnya adalah bersifat mesra budaya. Dengan ini pendidikan seksualiti yang disediakan untuk murid bermasalah pembelajaran adalah bersifat tekal dan responsif kepada nilai-nilai budaya tempatan, serta dapat menggalakkan pembangunan sosial-emosi yang sihat dalam kalangan remaja dari pelbagai budaya. Pemulangan hak kepada guru dan ibu bapa untuk menentukan kesesuaian elemen-elemen pendidikan seksualiti yang dianggap sesuai dengan konteks semasa dan perlu diajar kepada murid bermasalah pembelajaran juga memperlihatkan ada munasabahnya untuk membangunkan bahan-bahan pengajaran pendidikan seksualiti masalah pembelajaran dalam bentuk modul. Dengan adanya bahan pengajaran disediakan, ini pasti dapat menangani masalah kekurangan panduan mengajar pendidikan seksualiti seperti yang didakwa oleh guru dan ibu bapa (Aparecida, 2009). Lantaran itu meningkatkan keyakinan mereka untuk menyampaikan pendidikan seksualiti kepada murid bermasalah pembelajaran kelak.

## PENGHARGAAN

Penulisan kertas konsep ini mendapat tajaan daripada Geran Penyelidikan Siswazah Penyelidikan (RU-PRGS) Universiti Sains Malaysia. No Geran: 1001/PGURU/846024.

## RUJUKAN

- Amir Hasan Dawi. (2007). *Pendidikan seks suatu perspektif sosial*.Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Aparecida,T.A.(2009).Sexual health and behavior of mentally retarded pupils in Japan.*US-China Education Review*,6(59),61-66.
- Aunos, M., & Feldman, M. A. (2002). Attitudes towards sexuality, sterilization and parenting rights of persons with intellectual disabilities. *Journal of Applied Research in Intellectual Disabilities*, 15, 285-296.
- Azizah Jaafar & Chan, S. L. (2009).Reka bentuk dan pembangunan perisian kursus multimedia pendidikan seksualiti Malaysia (MSE).*Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2): 125-142.
- Brown,R.D.,& Pirtle, T.(2008). Beliefs of professional and family caregivers about the sexuality of individuals with intellectual disabilities:examining belief using a Q-methodology approach. *Sex Education*, 8(1),59-75.
- Brunnberg,E.,Bostrom,M.L,& Berglund,M.(2009).Sexuality of 15/16-year-olds and boys with and without modest disabilities.*Sex Disabil.*27.139-153.doi: 10.1007/s11195-009-9123-2.
- Byer,C.O., Shainberg,L.W., & Galliano, G. (2002). *Dimensions of human sexuality* (6 ed.). (S. P. Shriver, Ed.) New York: McGraw-Hill.
- Couwenhoven, T. (2001). Sexuality education: Building on the foundation of healthy attitudes. *Disability Solutions*, 4(6): 1-16.
- Cuskelly, M., & Bryde, R. (2004). Attitudes towards the sexuality of adults with an intellectual disability: Parents, support staff, and a community sample. *Journal of Intellectual & Developmental Disability*, 29(3), 255-264. doi:10.1080/13668250412331285136
- Deklarasi Dunia terhadap Pendidikan untuk Semua,1990 . Konvensyen-konvensyen dan Undang-undang yang Menjamin Hak Sama Rata Semua Kanak-kanak untuk Kualiti Pendidikan di Persekutuan yang Menyeluruh Edisi Malaysia.Retrieved Januari 15, 2012 from <http://unesdoc.unesco.org/images/0015/001585/158536mly.pdf>
- Dunn, M., & Rea.P. (2006). Current issues, parental concerns and societal biases surrounding the teaching of sex education to students with developmental disabilities. *Sex Education*, 3.
- Fortune,C.A., & Lambie,I.(2004). Demographic and abuse characteristics in adolescent male sexual offenders with "special needs".*Journal of Sexual Aggression*,10(1):63-84,doi:10.1080/13552600410001667760.
- Fyson, R. (2009). Sexually inappropriate or abusive behavior among pupils in special schools.British Journal of Special Education. 36(2): 86-94.
- Garbutt, R.(2008).Sex and relationships for people with learning disabilities:A challenge for parents and professionals.*Mental Health and Learning Disabilities Research and Practice*. 5:266-277.

- Gougeon,N.A.(2009).Sexuality education for students with intellectual disabilities, a critical pedagogical approach:outing the ignored curriculum.*Sex Education*, 9(3), 277-291. Doi:10.1080/146818100305904
- Gore, M. T., & Janssen, K. G. (2007). What Educators Need to Know About Abused Children With Disabilities.*Preventing School Failure*, 52(1), 49–55.
- Grieveo, A., McLaren, S., & Lindsay, W. R. (2006). An evaluation of research and training resources for the sex education of people with moderate to severe learning disabilities. *British Journal of Learning Disabilities*, 35, 30-37. doi:10.1111/j.1468-3156.2006.00401.x
- Haignere, C. S., & Cukhane, J. F. (1996). Teachers' receptiveness and comfort teaching sexuality education and using nontraditional teaching strategies. *Journal of School Health*,66(4),140-144.
- Halstead, J.M.,& Reiss,M. J. (2003). *Values in sex education from principles to practice*. London: Routledge Falmer.
- HM Treasury. (2006). *Working Together to Safeguard Children: A guide to inter-agency working to safeguard and promote the welfare of children*. Retrieved April 15, 2012, from Department of Education: <https://www.education.gov.uk/publications/standard/publicationdetail/page1/DCSF-00305-2010>
- Karanfiloski,A.(2008).Sexual education for persons with intellectual disabilities.*Journal of Special Education and Rehabilitation*.1-2:55-66.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(2013).*Peraturan-peraturan pendidikan (pendidikan khas) 2013*. Retrieved Jun 16, 2013, from: jpn.moe.gov.my.
- Kellogg, D. N. (2009). Clinical report-the evaluation of sexual behaviors in children.*Journal of The American Academy Of Pediatrics*.doi: 10.1542/peds.200-1692.
- Khadijah Rohani Mohd. Yunus. (2008). Pendidikan seks untuk remaja berkeperluan khas (terencaat akal): Satu analisis keperluan.Dlm Nik Aziz Nik Pa & Noraini Idris, Perjuangan memperkasakan pendidikan di Malaysia: Pengalaman 50 tahun merdeka (ms. 308-335). Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Kong, M. S.,& Tan, H. N. (2010). Kurikulum Pendidikan Seksualiti Di Peringkat Sekolah.Dlm (Eds.), *Pendidikan seksual perspektif kurikulum,pengajaran dan tingkah laku moral* (ms. 29-41).Kuala Lumpur:Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Ke Atas Hak-hak .Konvensyen-konvensyen dan Undang-undang yang Menjamin Hak Sama Rata Semua Kanak-kanak untuk Kualiti Pendidikan di Persekutaran yang Menyeluruh Edisi Malaysia. Retrieved Januari 15, 2012 from <http://unesdoc.unesco.org/images/0015/001585/158536mly.pdf>
- Lee,L.K.,Chen,P.C.,Lee,K.K.,Kaur,J.(2006).Premarital sexual intercourse among adolescents in Malaysia:a cross-sectional Malaysia school survey.*Singapore Med Journal*.47(6):476-481.
- Lindsay, W. R. (2005). Model underpinning treatment for sex offenders with mild intellectual disability:current theories of sex offending. *Mental Retardation*, 43 (6), 428-441.
- Littner, M., Littner, L. & Shah, M. A.(2001). Sexuality issues for the disabled development of a unified school policy. SIECUS Report, vol 29(3), 28-35.
- May, D.,& Kundert, D. (1996). Are special educators prepared to meet the sex education needs of their students? A progress report. *Journal of Special Education*, 29(4): 433-440
- Morrison, S., Hardison, J., Mathew, A., & O'Neil, J. (2004). *An evidence-based review of sexual assault preventative intervention programs*. Retrieved Jan. 04, 2012, from United States Department of Justice: <http://www.ncjrs.gov/pdffiles/1/nij/grants/207262.pdf>(2004)
- mStar online. (2010, Mac 2). Retrieved February 28, 2012, from [http://www.mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2010/3/2/mstar\\_berita/20100302143550&sec=mstar\\_berita](http://www.mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2010/3/2/mstar_berita/20100302143550&sec=mstar_berita)
- Murphy, N.A., & Elias, E.R.(2006). Sexuality of children and adolescents with developmental disabilities.*Pediatrics*, 398-403. Doi:10.1542/peds.2006-1115.
- SIECUS National Guidelines Task Force. (2004). *Guidelines for comprehensive sexuality education: Kindergarten- 12<sup>th</sup> grade (3th edit)*. New York: Sex Education Council of the United States.
- O'Callaghan,A. C.,& Murphy, G. (2003). The impact of abuse of men and women with severe learning disabilities and their families.*British Journal of Learning Disabilities*, 31:175-180.
- Orang Kurang Upaya 2006, Perkara 24 (2a).Konvensyen-konvensyen dan Undang-undang yang Menjamin Hak Sama Rata Semua Kanak-kanak untuk Kualiti Pendidikan di Persekutaran yang Menyeluruh Edisi Malaysia. Retrieved Januari 15, 2012 from <http://unesdoc.unesco.org/images/0015/001585/158536mly.pdf>
- Peckham, N. G. (2007). The vulnerability and sexual abuse of people with learning disabilities.*British Journal of Learning Disabilities*, 35:131-137,doi:10.1111/j.1468-3156.2006.00428.x
- Perisyiharaan Hak Asasi Manusia Sejagat,1948, Perkara 26. Konvensyen-konvensyen dan Undang-undang yang MenjaminHak Sama Rata Semua Kanak-kanak untuk Kualiti Pendidikan di Persekutaran yang MenyeluruhEdisi Malaysia. Retrieved January 15, 2012 from <http://unesdoc.unesco.org/images/0015/001585/158536mly.pdf>
- Perkara 2 Deklarasi Salamanca.Konvensyen-konvensyen dan Undang-undang yang Menjamin Hak Sama Rata Semua Kanak-kanak untuk Kualiti Pendidikan di Persekutaran yang MenyeluruhEdisi Malaysia. Retrieved Januari 15, 2012 from <http://unesdoc.unesco.org/images/0015/001585/158536mly.pdf>
- Piagam IPPF mengenai hak-hak seksual dan reproduktif. (1996). London : International Planned Parenthood Federation
- Plunkett, S. W., Longmore, S., Neal, R. A., & Sanchez, M. G. (2002, October 23). An evaluation of community-based sexuality education program for individuals with developmental disabilities. *Electronic Journal of Human Sexuality*, 5. Retrieved November 11, 2011, from [www.ejhs.org/volume5/plunkett/titlepage.html](http://www.ejhs.org/volume5/plunkett/titlepage.html)
- Program Bertindak Persidangan Antarabangsa Mengenai Kependudukan dan Pembangunan (ICPD),PBB Kaherah,1994. Konvensyen-konvensyen dan Undang-undang yang Menjamin Hak Sama Rata Semua Kanak-kanak untuk Kualiti Pendidikan di Persekutaran yang MenyeluruhEdisi Malaysia. Retrieved Januari 15, 2012 from <http://unesdoc.unesco.org/images/0015/001585/158536mly.pdf>

- Rashikj,O.(2009).Sexual development,education and sexual abuse of persons with disabilities in the republic of Macedonia.*Journal of special education and rehabilitation*.10(3-4):135-138.
- Rembis, M. (2010). Beyond the binary: rethinking the social model of disabled sexuality. *Sex.Disabil.* 28(1): 51–60.
- Sinkinson, M. (2009). Sexuality isn't just about sex':pre-service teachers' shifting constructs of sexuality education.*Sex Education*. 9(4):421-436.
- Skarbek,D.,Hahn.K.,& Parrish,P.(2009).Stop sexual in special education:an ecological model of prevention and intervention strategies for sexual abuse in Social Education. *Sex Disabil.*(27):155-164.doi:10.1007/s11195-009-0127-(y).
- Sullivan, P., & Knutson, J. F. (2000). Maltreatment And Disabilities: A population based epidemiological study. *Child Abuse & Neglect*, 24, 1257-1274.
- Swango-Wilson, A. (2009). Perception of sex education for individuals with developmental and cognitive disability :a four cohort study. *Sex Disabil*, 27, 223-228.
- Veiga, L., Teixeira, F., Martins, L., & Meliço-Silvestre, A. (2006). Sexuality and human reproduction: a study of scientific knowledge, behaviours and beliefs of Portuguese future elementary school teachers. *Sex Education*, 6(1): 17-29. Doi: 10.1080/14681810500508915.
- Wazakili, M. (2010). Sexuality education in HIV and AIDS prevention: The case of disabled young people in Nyanga, South Africa. In J. Stanovic, & M. Lalic (Eds.), *Sexuality education and attitudes* (pp. 135-157). New York: Nova Science.
- WCC. (n.d.). Retrieved January 20, 2012, from Women's Centre for Change (WCC) Penang: [www.wccpenang.org](http://www.wccpenang.org)